

## Naib Canselor Komited Tingkat Kualiti, Pastikan UMS Antara Universiti Terbaik Dunia

Terakhir dikemaskini: Selasa, 20 Ogos 2019 13:36 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 82

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**SELASA, 20 OGOS** - Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin komited untuk meningkatkan lagi kualiti universiti itu termasuk dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, fasiliti dan infrastruktur serta kebolehpasaran pelajarinya bagi memastikan UMS berada dalam kedudukan sebagai antara universiti terbaik dunia.

Beliau berkata pencapaian bersejarah UMS yang buat pertama kalinya tersenarai dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020 sebagai antara

1,000 universiti terbaik dunia adalah satu permulaan sangat baik bagi universiti berkenaan untuk terus memperkukuhkan reputasi di mata dunia.

Menerusi penarafan QS World University Rankings 2020 yang diumumkan pada Jun lepas, UMS disenaraikan pada kedudukan 801.

Prof Dr Taufiq mengucapkan tahniah kepada pemimpin UMS sebelum ini termasuk bekas Naib Canselor Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin atas pencapaian itu, dan selaku pemimpin baharu universiti, beliau akan melakukan yang terbaik bagi meningkatkan lagi keternampakan (visibility) dan kedudukan UMS di peringkat antarabangsa.

"Saya berharap kakitangan UMS dapat memberi kerjasama dalam usaha meningkatkan lagi keternampakan universiti sehingga ke peringkat antarabangsa khususnya di Asia Pasifik," katanya kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin di Istana Negeri, kelmarin.

Ini merupakan kunjungan hormat yang pertama Prof Dr Taufiq kepada Tun Juhar selaku Canselor UMS selepas dilantik sebagai Naib Canselor UMS pada 30 Julai lepas.

Prof Dr Taufiq berkata pihaknya akan melakukan beberapa perkara ke arah meningkatkan lagi kualiti UMS termasuk melihat semula kurikulum sedia ada serta hubungan UMS dengan industri sama ada di dalam mahupun di luar Sabah bagi memberi peluang kepada pelajar menjalani latihan dan pengalaman industri sekali gus memastikan kebolehpasaran graduan.

Mengenai kunjungan hormat itu, beliau berkata, Tun Juhar memberi sokongan sangat baik kepada pimpinan universiti selain turut berharap UMS akan lebih membangun dan maju khususnya dalam membantu

meningkatkan lagi sosioekonomi di Sabah.

"Saya akan menjalankan tugas dengan sebaiknya dan membantu meningkatkan sosioekonomi Sabah selain memastikan lebih ramai penduduk di negeri ini dapat menimba ilmu," katanya.

Kunjungan hormat itu turut disertai Pegawai-pegawai Utama UMS.

Sumber: BERNAMA